


Headline	PKP: Pelajar IPTS turut terjejas		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	14 May 2020	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Varsity	Page No	26
ArticleSize	832 cm ²	Journalist	Nor Azma Laila
PR Value	RM 82,967		



Penularan COVID-19

PKP: Pelajar IPTS turut terjejas

Pihak universiti ambil berat soal kebajikan elak penuntut dijangkiti virus

Oleh Nor Azma Laila
norazma@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pandemik COVID-19 yang masih lagi belum berkesudahan ketika ini menuntut rakyat negara ini, malah di seluruh dunia untuk berdisiplin mengamalkan norma baharu dalam membantu kerajaan mengangani wabak berkenaan sebaik mungkin.

Penularan wabak berkenaan turut menyebabkan aktiviti pendidikan pada peringkat sekolah dan universiti terpaksa dihentikan sementara, malah pelbagai usaha dilakukan kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam menguruskan keperluan dan kebajikan pelajar universiti awam (UA) dan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) supaya sentiasa terjaga dan tidak terdedah kepada risiko jangkitan COVID-19.

KPT ketika ini masih lagi dalam proses menguruskan penghantaran pulang pelajar yang masih berada di kampus ke kampung halaman masing-masing mengikut prosedur operasi standard yang ditetapkan oleh Majlis

Keselamatan Negara (MKN).

Pelbagai usaha dibuat untuk menangani wabak COVID-19 dalam kalangan pelajar UA dan IPTA, tetapi bagaimana pula halnya dengan pelajar institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) yang turut terjejas dengan pandemik berkenaan dan terpaksa melalui tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac lalu.

Kebanyakan pelajar IPTS ketika ini turut meneruskan aktiviti pembelajaran mereka secara e-learning, sama seperti pelajar UA dan IPTA lain, malah kebajikan mereka juga turut dititikberatkan pihak universiti supaya tidak ada pelajar yang dijangkiti virus COVID-19.

Exco Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) Sesi 2019/2020, Sharmella Ramalingam, berkata sejak awal PKP lagi, universiti berkenaan sudah memulakan mod pelajaran secara maya.

Katanya, memandangkan ramai pelajar tidak mempunyai fasiliti yang setara, pihak UNI-

TEN dan pensyarah bertungkus lumus bagi memastikan semua pelajar dapat mengakses nota dan bahan bacaan dengan merekodkan sesi kuliah supaya pelajar dapat membuat rujukan mengikut kesesuaian kemudahan komunikasi yang mereka ada.

“Selain fasiliti yang lengkap untuk pembelajaran secara e-learning, pada pendapat saya, perkara yang paling penting adalah untuk berdisiplin dalam menghabiskan tugas yang diberikan mengikut tempoh masa yang diberikan.

“Selain daripada akademik, pihak universiti juga sangat prihatin terhadap pengurusan emosi pelajar di mana kaunselor sentiasa memuat naik video baru yang membincangkan masalah tertentu dan mungkin dihadapi pelajar sepanjang tempoh PKP ini serta cara untuk menghadapinya, malah MPP dengan sokongan pihak pengurusan dan HEP turut menjalankan aktiviti merangkumi aspek kesihatan, terapi seni, pengurusan kewangan dan pertandingan esei bagi mengisi masa luang pelajar,” katanya.


Pelajar UNITEN yang juga Exco Pembangunan Pelajar MPP UNITEN Sesi 2019/2020, Muhammad Ilman Hakim Abdul Razak turut sependapat bahawa pendekatan yang dibuat IPTS tidak jauh bezanya dengan IPTA yang sudah memulakan pembelajaran secara dalam talian sejak minggu pertama PKP lagi menggunakan pelbagai aplikasi termasuklah *microsoft team, edmodo, moodle* dan *google apps*, malah penilaian turut dibuat secara online.

“Kebajikan pelajar juga masih diutamakan. Antara inisiatif yang dibuat UNITEN adalah memberikan potongan sewa rumah sepanjang tempoh PKP, manakala bagi bekalan makanan pula, Tabung Amanah Zakat UNITEN (TAZU) menyumbangkan makanan harian kepada pelajar di kampus Putrajaya dan Kampus Sultan Haji Ahmad Shah (KSHAS), Pahang sebanyak dua kali sehari, malah UNITEN juga tampil dengan inisiatif UNII0 Care untuk membekalkan barang-barang kering seperti minuman kotak, biskut, beras dan barangsanitasi wanita,” katanya.

Sementara itu, pelajar Ko-lej Universiti Saito, Nur 'Afifah Mashadi, berkata pengalaman menjalani tempoh PKP agak suram bagi dirinya kerana ter-kandas di kampus, berjauhan daripada keluarga dan rakan, berpuasa tanpa insan tersayang dan perlu berjimat kerana ekonomi yang tidak stabil berikutan pelaksanaan PKP sejak 18 Mac lalu.

“Meskipun begitu, sepanjang PKP ini, pihak kolej memberikan bantuan makanan kepada setiap pelajar, selain memberi kata-kata positif serta nasihat untuk kami supaya tidak ter-tekan atau murung apabila terkurung di rumah sewa dan sentiasa membuat pemeriksaan kesihatan terhadap pelajar untuk memastikan kami berada dalam keadaan sihat.

“Saya berterima kasih kepada KPT, pihak kolej polis dan bomba kerana berusaha ber-tungkus lumus dalam menguruskan penghantaran pulang pelajar yang terkandas di kampus dan rumah sewa ke kampung halaman masing-masing dengan selamat,” katanya.



Sharmella Ramalingam



Muhammad Ilman Hakim Abdul Razak



Nur 'Afifah Mashadi

Kebanyakan pelajar IPTS ketika ini turut meneruskan aktiviti pembelajaran mereka secara e-learning.
(Foto hiasan)

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
AVA-Animal Welfare & Stray Management (AVA-Animal Health)	2	0	RM 0
Bernama - MREM (Bernama - MREM 6)	4	0	RM 0
CIMB Investment Bank Berhad (CIMB - Economy News)	1	0	RM 0
Cultural Economy Development Agency (Cendana) (Activities related	1	0	RM 0
Enforcement Agency Integrity Commission (EAIC Industry)	1	0	RM 0
Food Recall - MOH (Food Recall - MOH)	1	0	RM 0
Google Inc (Google)	1	0	RM 0
Human Resource (Human Resource)	3	0	RM 0
Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) (Institusi Pengajian Tinggi	1	0	RM 0
Jabatan Bomba Dan Penyelamat (Jabatan Bomba Dan Penyelamat)	1	0	RM 0
Microsoft Corp (Microsoft)	1	0	RM 0
Ministry Education Ministry(UNITEN) (Ministry Education	11	0	RM 0
Ministry of Education - Covid (Ministry of Education - Covid)	4	0	RM 0
Ministry of Education (Ministry of Education)	1	0	RM 0
Ministry of Education- SEGi University (Ministry of Education- SEGi	2	0	RM 0
Ministry of Higher Education (Ministry of Higher Education)	1	0	RM 0
Pharmaceuticals Industry News (Pharmaceuticals - Healthcare &	5	0	RM 0
PLUS - MCO (PLUS - MCO)	4	0	RM 0
PUB - Johor River Water Works (PUB JRWW) (Immigration &	1	0	RM 0
Star Reacher - Coronavirus (Star Reacher - Coronavirus)	4	0	RM 0
UKM - internal checking only (UKM - internal checking only)	8	0	RM 0
Universiti Tenaga Nasional (Universiti Tenaga Nasional)	16	0	RM 0
Women (KPWKM) (Women (KPWKM))	1	0	RM 0